

REAM sampaikan sumbangan

KUALA LUMPUR 23 Jan. - Persatuan Kejuruteraan Jalan Malaysia (REAM) menyampaikan Bantuan Dana Insentif Pendidikan berjumlah RM112,500 kepada 75 pelajar Fakulti Kejuruteraan Awam termasuk Kejuruteraan Infrastruktur Jalan Raya dan Pengangkutan daripada universiti awam tempatan.

Ahli Kounsel REAM, Datuk Matthew Tee berkata, seramai 325 orang pelajar jurusan kejuruteraan awam telah menerima bantuan berjumlah RM360,000 sejak penubuhan Bantuan Dana Pendidikan yang merupakan sebahagian daripada tanggungjawab sosial REAM pada 2010.

Jelasnya, REAM menyediakan insentif pendidikan dalam bentuk bantuan kewangan 'one-off' kepada pelajar yang cemerlang dan berprestasi tinggi daripada keluarga yang kurang berkemampuan.

"Mereka dipilih daripada 10 buah universiti awam tempatan termasuk pelajar daripada Universiti Sains Malaysia (USM),

Universiti Malaya (UM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), Universiti Malaysia Pahang (UMP), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Tun Hussain Onn Malaysia (UTHM), Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Universiti Malaysia Perlis (Unimap)," jelasnya dalam kenyataan di sini hari ini.



MATTHEW TEE

Bantuan dana tersebut telah disampaikan oleh Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Fadillah Yusof kepada wakil-wakil universiti dalam satu makan malam yang diadakan di sini baru-baru ini.

Dalam majlis yang sama, seramai lima pelajar cemerlang tahun akhir kejuruteraan awam turut menerima Anugerah Presiden bagi Projek Tahun Akhir Pelajar Kejuruteraan Awam.

"Mereka turut bakal ditempatkan selama enam bulan bagi mengikuti latihan amali dan industri di syarikat-syarikat pembinaan yang terkemuka.